

Kajian UTHM diiktiraf IMDC

Utusan 29/9/2014.

Kejayaan ini menunjukkan kajian projek sarjana muda UTHM diiktiraf cemerlang oleh industri

Oleh **MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK**
kampus@utusan.com.my

HAMPIR 65 peratus bayi di Malaysia berisiko mengalami jaundis atau lebih dikenali sebagai demam kuning.

Pada masa ini, teknik kuantifikasi dan pengesanan penyakit bersifat invasif, iaitu menyakitkan dan tidak mesra bayi.

Sehubungan itu, dengan iltizam untuk memberi sumbangan kepada masyarakat, kaedah kuantifikasi bilirubin bagi mengesan jaundis telah dihasilkan dan dipilih sebagai domain kajian projek sarjana muda (PSM) oleh pelajar tahun akhir Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE), Zulfadhli Osman.

Kajian ini antara 35 projek terbaik dalam pusingan akhir Innovate Malaysia Design Competition (IMDC 2014) di Hotel G, Pulau Pinang baru-baru ini.

Kajian ini telah berjaya meraih kedudukan naib johan trek MathWorks dengan membawa pulang hadiah wang tunai RM3,000 dan perisian MATLAB & Simulink Student Edition.

Di bawah seliaan Dr. Afandi Ahmad, projek ini juga melibatkan kerjasama dengan pakar kanak-kanak Hospital Sultanah Nora Ismail (HSNI), Dr Azizan Aziz.

IMDC 2014 merupakan anjuran DreamCatcher yang terbuka kepada projek tahun akhir pelajar di institusi pengajian tinggi dan dinilai oleh pihak industri.

Kejayaan ini secara langsung menunjukkan kualiti projek sarjana muda yang dijalankan di FKEE diiktiraf cemerlang oleh industri.



ZULFADHLI Osman (kanan) dan penyeliaanya, Dr. Afandi Ahmad bersama hadiah kemenangan IMDC 2014 di Hotel G, Pulau Pinang, baru-baru ini